

BAB DUA

TINJAUAN PENULISAN DAN KAJIAN BERKAITAN.

2.1 PENGENALAN

Bab ini meninjau hasil-hasil penyelidikan yang mempunyai kaitan dengan masalah disiplin pelajar di sekolah. Kajian-kajian menunjukkan bahawa masalah disiplin berpunca daripada berbagai faktor. Ada kajian menunjukkan bahawa sikap pelajar, rakan sebaya, keluarga, sekolah dan sebagainya yang mempengaruhi tingkah laku pelajar dan seterusnya membawa kepada masalah disiplin. Pengkaji akan cuba meninjau kajian-kajian yang berkaitan dengan tajuk kajiannya iaitu , 'Pengaruh rakan sebaya, sekolah dan keluarga dalam masalah disiplin pelajar India : Satu kajian kes.'

Di dalam bab ini pengkaji akan hanya meninjau kajian-kajian yang berkaitan dengan pengaruh rakan sebaya, sekolah dan keluarga dalam menimbulkan masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah.

2.2 PENGARUH RAKAN SEBAYA

Rakan sebaya mempunyai pengaruh yang besar dalam menentukan tingkah laku anak-anak. Biasanya anak-anak lebih senang dan selesa berbincang dengan rakan-rakan mereka tentang hal-hal peribadi. Mereka juga akan cuba meniru gaya rakan-rakan supaya diterima dalam sesuatu kumpulan.

Sabitha Marican dan Mahmood Nazar Al. Haji Mohamed (1994) mengatakan bahawa rakan sebaya di dalam persekolahan adalah kumpulan rujukan para remaja, yang memberi sokongan moral kepada muda mudi dalam mencari identiti diri dan pembentukan imej mereka. Rakan sebaya memberi peluang untuk mengikut standard kumpulan itu dalam aspek-aspek pakaian, pergaulan, pertuturan, orientasi kepada muzik, tarian dan lain-lain. Masalah timbul apabila pendedahan semacam ini hanya merangkumi nilai-nilai yang buruk dan bukan yang baik yang seterusnya membawa kepada keruntuhan disiplin dan moral mereka.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Bailey (1990) beliau mendapati bahawa para remaja yang melibatkan diri dalam penggunaan marijuana semasa dibangku sekolah adalah kerana pengaruh rakan-rakan sebaya mereka yang telahpun melibatkan diri dalam penggunaan marijuana. Bailey telah menggunakan seramai 3454 pelajar sekolah menengah sebagai sampel untuk mengkaji penggunaan marijuana oleh

pelajar sekolah, dan pengaruh rakan sebaya ke atasnya. Beliau mendapati pengaruh rakan sebaya adalah sangat ketara dan ini telah membawa kepada masalah disiplin.

Menurut Malek Murad (1986) pengawasan ibu bapa terhadap pergaulan anak-anak bersama rakan sebaya adalah amat penting. Pelajar yang ponteng sekolah berkawan dengan pelajar yang juga suka ponteng sekolah. Adalah didapati ibu bapa pelajar yang ponteng ini kurang membuat pengawasan dan penyeliaan terhadap aktiviti luar anak terutama pergaulan mereka dengan rakan sebaya. Ibu bapa pelajar-pelajar ini tidak mengambil berat dengan siapa anak mereka berkawan, siapa yang mereka berinteraksi di luar rumah, apa aktiviti yang mereka jalankan. Ibu bapa juga tidak mengawal masa interaksi bersama rakan sebaya..

2.3 PENGARUH SEKOLAH

Sekolah merupakan institusi penting dalam membentuk peribadi yang baik di kalangan pelajar. Suasana serta keadaan sekolah yang tidak sesuai dengan kehendak ini boleh menyebabkan masalah disiplin. Menurut Sabitha Marican dan Mahmood Nazar Mohamed (1994) masalah disiplin berpunca dari pengaruh sekolah atau guru. Keadaan pelajar yang duduk sesak dalam sesuatu bilik darjah yang kecil ukurannya boleh mendatangkan masalah tekanan dan disiplin di kalangan mereka. Begitu juga dengan sikap guru yang mempunyai suara garang dan menggunakan

kekerasan mengikut perasaan dalam pengajaran harian. Mengenakan hukuman bagi setiap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar juga boleh membawa kepada pelajar membenci sekolah dan seterusnya memberontak.

Menurut Sabitha Marican dan Mahmood Nazar Mohamed (1994) di kebanyakan sekolah, keruntuhan disiplin sering tertumpu kepada aspek yang negatif seperti cara untuk mengenalpasti dan menghukum murid tidak berdisiplin dan bukan kepada aspek yang positif seperti cara untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang dapat menggalakkan pelajar untuk belajar dengan penuh kesopanan. Akibatnya daripada itu, murid-murid membentuk persepsi yang negatif terhadap konsep disiplin, mungkin mereka merasa takut, benci atau memberontak apabila perkataan disiplin dicetuskan.

Kaedah dan bahan pengajaran yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah sangat penting dalam menarik minat pelajar. Ini adalah kerana bahan pengajaran yang tidak sesuai boleh menyebabkan pelajar hilang minat dan seterusnya boleh membawa kepada masalah disiplin.

Menurut Kamaruddin Haji Husin (1994) sekiranya bahan pengajaran yang digunakan gagal menarik minat pelajar atau isi pengajaran itu tidak bersesuaian dengan mereka. Mereka akan berasa bosan sekiranya isi pelajaran tidak mencabar

atau terlalu mudah. Ini boleh menyebabkan pelajar menjadi gelisah dan mereka akan memberontok dan seterusnya melanggar disiplin sekolah.

Menurut Ismail Shamsudin (1980) bahawa iklim persekolahan yang tidak menggalakkan seperti tumpuan berlebihan terhadap peperiksaan, hukuman yang memalukan dan tidak setimpal serta sikap guru yang kasar dan bengis menjadi punca masalah disiplin di kalangan pelajar. Selain dari itu keadaan fizikal dan persekitaran sekolah yang tidak selesa serta sikap guru yang tidak memberikan perhatian terhadap pelajar yang ketinggalan dalam pelajaran juga menyebabkan pelajar bersikap liar

Menurut Smith (1986) pelajar yang selalu dikongkong tingkah lakunya dalam kelas akan menyebabkan pelajar akan lebih cuba melakukan tindakan-tindakan yang bertentangan dengan peraturan sekolah. Oleh itu seseorang guru haruslah tidak mengongkong tingkah laku pelajar dalam kelas secara berlebihan.

Menurut Curwin (1988) faktor asas yang menyebabkan masalah disiplin di sekolah adalah disebabkan oleh tiadanya minat langsung terhadap pelajaran. Pelajar juga cepat jemu terhadap sesuatu yang tidak menarik minat mereka. Selain dari itu sikap guru yang selalu melebal pelajar-pelajar secara negatif, akan menyebabkan pelajar-pelajar akan bertindak secara negatif seperti yang dilebalkan. Ini akan membawa kepada masalah disiplin.

Persekutaran sekolah juga adalah sangat penting dalam mengawal masalah disiplin pelajar. Kelas yang mempunyai ramai pelajar bukan sahaja akan menimbulkan masalah besar kepada guru malah pelajar itu sendiri. Menurut Kamaruddin Haji Husin (1994) bilangan pelajar yang ramai secara langsung mewujudkan suasana yang membenarkan berlakunya masalah disiplin. Keadaan ini merumitkan tugas guru bagi mengawal disiplin mereka. Di samping itu terdapat pelajar yang tidak mendapat layanan daripada guru. Menurut beliau lagi golongan ini akan berasa kecewa dan seterusnya berusaha untuk mendapat perhatian guru. Mereka tidak menghirau tindakan yang di ambil termasuklah berkelakuan nakal, merosakkan harta benda sekolah dan bertindak menganggu pelajar lain.

2.4 PENGARUH KELUARGA

Keluarga juga boleh memainkan peranan yang penting dalam mendisiplinkan anak-anak. Ibubapa mempunyai tanggungjawab yang utama dalam mendidik dan mendisiplinkan anak mereka di rumah. Hubungan rapat serta kemesraan di antara ahli-ahli keluarga terutamanya di antara ibubapa dan anak-anak boleh menjamin dan dapat mengawal disiplin anak-anak.

Menurut Daniel (1997) hubungan baik di antara ibubapa dan anak akan membolehkan perkembangan yang baik dalam tingkah laku anak-anak. Daniel telah

mengkaji hubungan kekeluargaan bangsa Cina. Beliau telah mengambil sampel sebanyak 365 orang pelajar sekolah menengah yang berbangsa Cina. Beliau mendapati bahawa mengikut kepercayaan budaya Cina, konflik di antara ibubapa dengan anak adalah tidak dibenarkan. Anak perlu menurut segala perintah ibubapa. Masyarakat Cina juga mempercayai bahawa jika keluarga dalam keadaan aman dan harmoni akan membawa kepada kebahagian. Tetapi jika keluarga berada dalam keadaan huru-hara akan membawa kepada pertelingkahan.

Menurut Jenkins (1995) ibu bapa yang berpelajaran rendah kurang selesa berhubung dengan guru dan kakitangan yang lain di sekolah. Ini akan menyebabkan anak-anak mereka akan menjadi lebih bebas dan melibatkan diri dalam tingkah laku yang tidak baik. Dalam kajiannya beliau dapati remaja yang banyak melibatkan diri dalam masalah disiplin sekolah sama ada dalam masalah jenayah, masalah ponteng dan masalah salah laku yang lain adalah terdiri daripada anak di kalangan ibu bapa yang kurang berpelajaran.

Menurut Siti Nor Yaacob, Abdullah Al.Hadi Haji Mohamed et al (1994) komunikasi yang berkesan antara ibubapa dengan anak menyumbang ke arah pembentukan disiplin yang baik. Tanpa hubungan yang baik anak-anak akan merasa diri mereka tidak diberi perhatian, tidak diperlukan dan tidak disayangi. Justeru itu anak-anak ini kemungkinan akan melibatkan diri dalam masalah disiplin.

Selain dari itu kajian ini juga mendapati bahawa ibubapa perlu memberikan perhatian yang berat terhadap aspek kasih sayang dengan anak-anak. Memperolehi kasih sayang daripada ibubapa bererti anak-anak kemungkinan besar kurang melibatkan diri dalam perkara-perkara yang tidak diingini dan kurang masalah disiplin.

Masa yang diluangkan oleh ibubapa bersama anak-anak juga adalah penting dalam mengurangkan masalah disiplin. Sabitha Marican dan Mahmood Nazar Mohamed (1994) berpendapat bahawa ibu bapa yang sibuk dengan pekerjaan mereka biasanya tidak mempunyai masa untuk bersama anak-anak dan tidak dapat memberi nasihat kepada mereka supaya mengulangkaji pelajaran. Mereka juga tidak berkesempatan untuk melihat prestasi anak-anak, meneliti siapakah teman-teman anak mereka. Ini akan menyebabkan anak-anak mereka mempunyai ruang untuk bergerak dan melibatkan diri dalam perkara-perkara yang tidak sihat dan akhirnya akan membawa kepada masalah disiplin.

Menurut Curwin (1988) masa yang diluangkan oleh ibu bapa dengan anak-anak mereka adalah sangat penting. Beliau mendapati dalam kajiannya di Amerika Syarikat bahawa kebanyakan ibu bapa di sana adalah di kalangan yang bekerja. Oleh yang demikian mereka tidak mempunyai masa untuk memberikan tunjuk ajar yang betul kepada anak-anak mereka. Keadaan seperti ini, mengikut beliau boleh membawa kepada masalah disiplin.

2.5 KESIMPULAN

Daripada tinjauan tentang kajian-kajian yang telah dibuat di dalam dan di luar negara , maka kita dapati bahawa pengaruh sekolah, keluarga dan rakan sebaya memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi seseorang pelajar untuk melibatkan diri dalam masalah disiplin. Suasana serta keadaan sekolah yang tidak menarik minat seseorang pelajar boleh membawa kepada masalah disiplin. Perwatakan guru serta pelaksanaan disiplin yang ketat boleh menimbulkan rasa takut kepada pelajar dan seterusnya menghilangkan minat pelajar terhadap pelajaran. Ini boleh membawa kepada masalah disiplin di sekolah.

Selain dari itu pelajar-pelajar yang dididik dengan kasih sayang akan lebih berdisiplin jika dibandingkan dengan pelajar yang dididik dengan suasana yang tidak mesra dan kurang kasih sayang. Pengawasan ibu bapa terhadap anak juga adalah sangat penting, terutama dalam pergaulan mereka dengan rakan sebaya amat diperlukan. Pengawasan yang rapi seperti ini akan mengurangkan masalah disiplin di sekolah.